

SULIT

142



Rm 1170

# UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

## PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER 2 SESI 2003/2004

KOD : TMP3043 / TMP 2013

KURSUS : KAEDAH PENYELIDIKAN

TARIKH : 02.03.2004

MASA : 2 JAM

### ARAHAN

1. Kertas soalan ini mengandungi Bahagian A (60 soalan) dan Bahagian B (2 soalan).
2. Jawab SEMUA soalan dalam kertas soalan.
3. Bahagian A – Calon dikehendaki menjawab pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Bahagian B – Calon dikehendaki menjawab pada ruangan jawapan yang disediakan pada setiap soalan.
5. Jawapan kepada Bahagian A hendaklah diasingkan daripada jawapan kepada Bahagian B. Jawapan kepada setiap bahagian akan dipungut secara berasingan.
6. Kertas soalan ini akan dipungut balik apabila peperiksaan tamat.

Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
Bhg. A	60	
Bhg. B		
1	20	
2	20	
Jumlah	100	

KERTAS INI MENGANDUNGI 18 MUKA SURAT BERCETAK TERMASUK KULIT

NO. PENDAFTARAN : \_\_\_\_\_ (dengan perkataan) \_\_\_\_\_ (dengan angka)

NO. KAD PENGENALAN : \_\_\_\_\_

NAMA PENSYARAH : \_\_\_\_\_

KUMPULAN :

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI  
SEHINGGA DIBERI ARAHAN**

SULIT

No. Pendaftaran: .....

Kaedah Penyelidikan (TMP3043)

**BAHAGIAN A (60 Soalan : 60 markah)**

**PART A (60 Questions : 60 marks)**

Jawab SEMUA soalan.  
Answer ALL questions.

1. Penyelidikan memainkan peranan penting dalam membantu kita memahami alam pendidikan. Autoriti penyelidikan berasaskan salah satu ciri berikut:

- A. Inkuiri
- B. Berbaloi
- C. Beretika
- D. Empirikal

2. Satu takrifan penyelidikan pendidikan mensyaratkan proses dan dapatannya perlu diumumkan. Tujuan pengumuman tersebut adalah seperti berikut kecuali

- A. supaya warga pendidik dapat menambah ilmu keguruan.
- B. supaya warga pendidik dapat menilai penyelidikan yang dijalankan.
- C. supaya warga pendidik dapat menjalankan penyelidikan dengan beretika.
- D. supaya warga pendidik dapat mempelajari daripada dapatan penyelidikan.

3. Kesahan dalam konteks penyelidikan merujuk kepada salah satu yang berikut:

- A. Kekonsistenan antara data dan analisis data.
- B. Kekonsistenan antara data dan tafsiran data.
- C. Kekonsistenan antara analisis data dan tafsiran data.
- D. Kekonsistenan antara kaedah pungutan data dan tafsiran data.

4. Antara rujukan buku berikut, yang mana satukah ditulis mengikut gaya APA (American Psychological Association)?

- A. Gardner, H. *Frames of Mind*. 2000. London: Basic Books.
- B. Walsh, P. (1999). *Education and Meaning*. London: Falmer Press.
- C. Clark, C. (1995). *Thoughtful Teaching*. Cassell Publication: London.
- D. J. Bruner (2002). *The culture of education*. London: Harvard University Press

No. Pendaftaran: .....

Penyelidikan yang berkualiti mempunyai ciri-ciri berikut **kecuali**.....

- A. dirancang dengan rapi.
- B. menghormati hak responden.
- C. mengkaji perkara yang penting.
- D. data dianalisis menggunakan statistik.

6. Antara pernyataan berikut, yang mana satukah **benar**?

- A. Skala ordinal boleh ditukar ke skala nominal.
- B. Skala nominal memberi maklumat tentang pangkatan.
- C. Skala pengukuran yang paling sukar ialah skala nominal.
- D. Skala nominal dan ordinal boleh digunakan untuk pengiraan min.

7. Dalam sesuatu penyelidikan, etika penyelidikan memainkan peranan penting. Tujuan utamanya adalah salah satu yang berikut:

- A. Memastikan subjek kajian beretika.
- B. Memastikan kepentingan subjek kajian terjaga.
- C. Memastikan kajian dapat dijalankan tanpa sebarang masalah.
- D. Memastikan Kementerian Pendidikan membenarkan kajian dijalankan.

Bagi Soalan 8 hingga Soalan 11, sila rujuk petikan berikut:

*Pn. Salmiah, seorang penyelidik, berminat mengetahui proses pelaksanaan program mengajar mata pelajaran matematik dalam Bahasa Inggeris. Beliau memilih tiga buah sekolah untuk menjalankan penyelidikan dan menjadualkan tempoh tiga bulan untuk kerja lapangan.*

8. Kajian kes yang dijalankan oleh Pn. Salmiah tergolong di bawah salah satu jenis kajian kes berikut:

- A. Kolektif.
- B. Intrinsik.
- C. Kuantitatif.
- D. Instrumental.

No. Pendaftaran: .....

Kes yang diselidiki oleh Pn. Salmiah adalah salah satu yang berikut:

- A. Tiga buah sekolah yang terlibat dalam penyelidikan.
- B. Program mengajar matematik dalam Bahasa Inggeris.
- C. Guru matematik yang mengajar dalam Bahasa Inggeris.
- D. Panitia matematik di sekolah yang terlibat dalam penyelidikan.

10. Antara soalan kajian berikut, yang mana satukah paling sesuai untuk penyelidikan yang dijalankan oleh Pn. Salmiah?

- A. Apakah masalah yang dihadapi guru dalam mengajar matematik dalam Bahasa Inggeris?
- B. Bagaimanakah guru melaksanakan program mengajar mata pelajaran matematik dalam Bahasa Inggeris?
- C. Apakah pandangan guru terhadap pelaksanaan program mengajar mata pelajaran matematik dalam Bahasa Inggeris?
- D. Apakah hubungan antara penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan guru dengan keberkesanan mereka mengajar matematik dalam bahasa tersebut?

11. Penyelidikan yang dijalankan oleh Pn. Salmiah memerlukan beliau menganalisis data mengikut salah satu tempoh masa berikut:

- A. Selepas kerja lapangan.
- B. Semasa kerja lapangan.
- C. Semasa dan selepas kerja lapangan.
- D. Sebelum dan semasa kerja lapangan.

12. Dalam menjalankan penyelidikannya, Cikgu Sabri mendapati apabila soal selidik yang sama ditadbir dua hari berturut-turut kepada responden yang sama, jawapan responden pada hari pertama kebanyakannya adalah berbeza daripada yang pada hari kedua. Masalah yang dihadapi oleh Cikgu Sabri menyentuh salah satu isu berikut:

- A. Soalan kajian.
- B. Kesesuaian responden.
- C. Kebolehpercayaan data.
- D. Kebolehpercayaan responden.

No. Pendaftaran: .....

13. Antara pemboleh ubah berikut, yang mana satukah skala ukurannya berbentuk sela/interval?

- A. Markah ujian.
- B. Status perkahwinan.
- C. Pengalaman mengajar.
- D. Bilangan kursus yang dihadiri.

14. Antara soalan kajian berikut, yang mana satukah jawapannya tidak mungkin diperolehi melalui penyelidikan?

- A. Bagaimanakah KBSM Matematik dilaksanakan di sekolah?
- B. Adakah KBSM Matematik dilaksanakan dengan berkesan di sekolah?
- C. Apakah topik-topik yang patut dimasukkan ke dalam KBSM Matematik?
- D. Apakah pandangan guru terhadap pelaksanaan KBSM Matematik di sekolah?

15. Soalan kajian yang menjadi jawapan kepada Soalan 14 tidak mungkin dijawab melalui penyelidikan kerana ia menyentuh salah satu aspek berikut:

- A. Nilai
- B. Kos tinggi.
- C. Kurang kepakaran.
- D. Tempoh masa yang panjang.

Bagi Soalan 16 hingga Soalan 19, sila rujuk petikan berikut:

*Sebagai projek penyelidikan bagi Program Sarjana Pendidikan yang diikutinya, Cikgu Tan memutuskan menggunakan penyelidikan kuasi eksperimental untuk menyiasat keberkesanan strategi menggunakan kalkulator grafik dalam mengajar tajuk kalkulus kepada pelajar sekolah. Beliau memilih sebuah sekolah menengah untuk menjalankan penyelidikan.*

16. Yang mana satukah pemboleh ubah bersandar yang paling sesuai bagi penyelidikan Cikgu Tan?

- A. Markah ujian kalkulus.
- B. Bilangan kalkulator grafik.
- C. Pengalaman mengajar Cikgu Tan.
- D. Strategi mengajar menggunakan kalkulator grafik.

No. Pendaftaran: .....

17. Sebelum memutuskan menggunakan penyelidikan kuasi eksperimental, rancangan asal Cikgu Tan adziah untuk menggunakan penyelidikan eksperimental. Yang mana satukah pengubahsuaian kepada reka bentuk kajian yang beliau terpaksa lakukan setelah memutuskan menggunakan penyelidikan kuasi eksperimental?

- A. Tempoh mengajar.
- B. Persampelan pelajar.
- C. Pemboleh ubah bersandar.
- D. Pemboleh ubah tak bersandar.

18. Berikut adalah pemboleh ubah *extraneous/confounding* yang berpotensi menjejaskan dapatan penyelidikan Cikgu Tan kecuali

- A. iklim sekolah.
- B. latar belakang pelajar.
- C. jadual waktu matematik.
- D. pengetahuan sedia ada pelajar mengenai kalkulus.

19. Yang mana satukah pemboleh ubah tak bersandar bagi penyelidikan Cikgu Tan?

- A. Markah ujian kalkulus.
- B. Topik kalkulus yang diajar.
- C. Pengalaman mengajar Cikgu Tan.
- D. Strategi mengajar menggunakan kalkulator grafik.

20. Dalam konteks penyelidikan, yang mana satukah peranan utama persampelan?

- A. Meningkatkan kesahan.
- B. Menurunkan kos penyelidikan.
- C. Meningkatkan kebolehpercayaan.
- D. Mengurangkan bilangan responden.

21. Bagi artikel 'Problems of doing fieldwork in educational evaluation' nukilan David Fetterman dalam jurnal *Qualitative Inquiry* terbitan 1989, yang mana satukah antara rujukan berikut ditulis mengikut gaya APA (*American Psychological Association*)?

- A. Fetterman, D. (1989). Problems of doing fieldwork in educational evaluation. *Qualitative Inquiry*, 34(2), 205-215.
- B. Fetterman, D. (1989). *Problems of doing fieldwork in educational evaluation*. *Qualitative Inquiry*, 34(2), 205-215.
- C. D. Fetterman. (1989). Problems of doing fieldwork in educational evaluation. *Qualitative Inquiry*, 205-215, 34(2).
- D. Fetterman, D. (1989). *Qualitative Inquiry*. Problems of doing fieldwork in educational evaluation 34(2), 205-215.

22. Dalam menggunakan kaedah tinjauan, kepincangan dalam pemilihan sampel boleh menjejaskan salah satu yang berikut:

- A. Kesahan luaran.
- B. Kesahan konstruk.
- C. Kesahan dalaman.
- D. Kesahan kandungan.

Bagi Soalan 23 hingga Soalan 28, sila rujuk petikan berikut:

En. Ravi ingin tahu sama ada sikap terhadap matematik di kalangan murid luar bandar berubah apabila mereka beralih dari sekolah rendah ke sekolah menengah. Sebagai instrumen mengukur sikap tersebut, beliau menggunakan soal selidik yang terdiri daripada 20 item. Beliau bercadang memilih secara rawak sampel bersaiz 700 orang murid luar bandar dan mentadbir instrumen tersebut apabila mereka berada di sekolah rendah dan kemudian apabila mereka beralih ke sekolah menengah.

23. Kaedah tinjauan yang digunakan En. Ravi berbentuk salah satu yang berikut:

- A. Kajian kes.
- B. Longitudinal.
- C. Eksperimental.
- D. Cross-sectional

Pendaftaran: .....

Kajian Rintis (Pilot Study)

Antara item-item berikut, yang mana satukah paling sesuai dijadikan item soal selidik yang digunakan oleh En. Ravi?

- A. Abang saya sentiasa membantu saya menyiapkan kerja rumah matematik.
- B. Ibu bapa sentiasa memberi galakan kepada saya menyiapkan kerja rumah matematik.
- C. Berbanding kerja rumah lain, saya sentiasa menyiapkan kerja rumah matematik dahulu.
- D. Saya sentiasa mengambil masa yang panjang untuk menyiapkan kerja rumah matematik.

Sebelum mentadbir soal selidiknya kepada murid, terlebih dahulu En. Ravi membuat kajian rintis terhadap soal selidiknya. Yang mana satukah merupakan tujuan utama beliau berbuat demikian?

- A. Mengedit soal selidik.
- B. Memastikan soal selidik mesra responden
- C. Menambah bilangan item dalam soal selidik.
- D. Meningkatkan kebolehpercayaan soal selidik.

6. Kajian rintis yang dijalankan En. Ravi menghasilkan nilai alpha 0.685. Justeru, yang mana satukah tindakan yang paling wajar yang perlu diambil oleh En. Ravi?

- A. Mencari instrumen lain.
- B. Mengubah suai lagi instrumen.
- C. Mengulangi kajian rintis tanpa pengubahsuaian.
- D. Terus menggunakan instrumen tanpa pengubahsuaian.

27. Jika kajian rintis yang dijalankan En. Ravi menghasilkan nilai alpha 0.92, yang mana satukah tindakan yang paling wajar yang perlu diambil oleh En. Ravi?

- A. Mencari instrumen lain.
- B. Mengubah suai lagi instrumen.
- C. Mengulangi kajian rintis tanpa pengubahsuaian.
- D. Terus menggunakan instrumen tanpa pengubahsuaian.



Kajian En. Ravi berkehendakkan beliau menguji hipotesis. Hipotesis yang mana satukah paling sesuai bagi kajiannya?

- A. Sikap murid terhadap matematik di sekolah rendah adalah lebih tinggi berbanding di sekolah menengah.
- B. Sikap murid terhadap matematik di sekolah rendah adalah lebih rendah berbanding di sekolah menengah.
- C. Sikap murid terhadap matematik berbeza apabila mereka beralih dari sekolah rendah ke sekolah menengah.
- D. Sikap murid terhadap matematik adalah kekal apabila mereka beralih dari sekolah rendah ke sekolah menengah.

Antara pernyataan berikut mengenai temu bual, yang mana satukah benar?

- A. Hanya penyelidikan kualitatif menggunakan temu bual.
- B. Hanya penyelidikan kuantitatif menggunakan temu bual.
- C. Penyelidikan kuantitatif dan kualitatif menggunakan temu bual.
- D. Temu bual lebih sesuai digunakan dalam penyelidikan kualitatif.

Seandainya seorang penyelidik bukan hanya ingin mengetahui sejauh mana atau betapa berkesan sesuatu perkara dilaksanakan tetapi juga ingin mendapat gambaran menyeluruh tentang apa yang berlaku di sesuatu tempat, yang mana satukah daripada berikut merupakan bentuk penyelidikan yang paling sesuai untuk beliau gunakan?

- A. Tinjauan.
- B. Kualitatif.
- C. Eksperimental.
- D. Kuasi eksperimental.

1. Jika seorang penyelidik melaporkan dapatan yang diperolehinya adalah signifikan pada aras keertian 5%, pernyataan yang mana satukah antara berikut memberi maksud yang paling tepat?

- A. Penyelidik telah menolak hipotesis nol.
- B. Dapatan yang diperolehi adalah penting.
- C. Statistik sampel bersamaan dengan parameter populasi.
- D. Dapatan diperolehi secara kebetulan 5 daripada 100 kali.

Pendaftaran: .....

Seorang penyelidik mengklasifikasikan pelajar sebagai 'lemah', 'memuaskan', dan 'pandai' dalam pengiraan. Skala apakah yang digunakan oleh penyelidik tersebut?

- A. Nisbah.
- B. Ordinal.
- C. Nominal.
- D. Seta/Interval.

Jika seorang penyelidik memilih secara rawak lima buah sekolah untuk kajiannya, dan seterusnya menemu bual semua guru di kelima-lima sekolah tersebut, yang mana satukah daripada berikut merupakan kaedah persampelan yang digunakannya?

- A. Rawak mudah.
- B. Rawak berlapis.
- C. Rawak ketompok.
- D. Rawak dua peringkat.

4. Dapatan sesuatu penyelidikan dikatakan mempunyai kesahan luaran jika ia bermaksud salah satu yang berikut:

- A. Kesahan terletak di luar populasi sasaran.
- B. Dapatan penyelidikan disahkan oleh sampel kajian.
- C. Kesahan telah ditentukan dengan menggunakan prosedur statistik deskriptif.
- D. Dapatan penyelidikan merangkum mereka yang di luar sampel tetapi dalam populasi sasaran.

35. Antara jenis data berikut, yang mana satukah dianalisis mengikut tema?

- A. Data soal selidik.
- B. Data senarai semak.
- C. Data temu bual berstruktur.
- D. Data temu bual tak berstruktur.

36. Antara pernyataan berikut, yang mana satukah benar?

- A. Kebolehpercayaan penyelidikan tidak mempengaruhi kesahan penyelidikan.
- B. Penyelidikan yang mempunyai kebolehpercayaan semestinya mempunyai kesahan.
- C. Penyelidikan yang mempunyai kesahan semestinya mempunyai kebolehpercayaan.
- D. Kebolehpercayaan dan kesahan penyelidikan saling bergantung antara satu sama lain.

No. Pendaftaran .....

37. Populasi yang ingin disampelkan oleh Pn. Gomez bagi penyelidikannya yang berbentuk tinjauan terdiri daripada 150 orang guru lelaki dan 850 orang guru perempuan. Yang mana satukah kaedah persampelan yang paling sesuai bagi penyelidikan beliau?

- A. Persampelan *purposive*.
- B. Persampelan rawak mudah.
- C. Persampelan rawak berlapis.
- D. Persampelan rawak kelompok.

38. Yang mana satukah daripada berikut benar mengikut logik pengujian hipotesis?

- A. Apabila hipotesis nol benar, ia harus ditolak.
- B. Apabila hipotesis nol benar, ia tidak harus ditolak.
- C. Apabila hipotesis alternatif benar, ia harus ditolak.
- D. Apabila hipotesis alternatif benar, ia tidak harus ditolak.

39. Yang mana satukah pernyataan yang paling tepat mengenai persampelan dalam konteks penyelidikan?

- A. Sampel yang baik bersaiz-30.
- B. Sampel yang baik dipilih secara rawak mudah.
- C. Sampel yang baik mempunyai saiz yang besar.
- D. Sampel yang baik berupaya mewakili populasi.

40. Antara pemboleh ubah berikut, yang mana satukah skala ukurannya bukan berbentuk ordinal?

- A. Tempat mengajar.
- B. Bidang yang diajar.
- C. Bilangan tahun mengajar.
- D. Kelulusan akademik bila mula mengajar.

1. Dalam menyelidik hubungan antara sikap murid terhadap matematik dan sikap mereka terhadap sains, Cik Mahani mendapati korelasinya ialah 0.881 pada aras keertian 0.05. Pernyataan yang mana satukah paling tepat menghuraikan hubungan tersebut?
- A. Sikap murid terhadap matematik tidak mempunyai hubungan dengan sikap mereka terhadap sains.
  - B. Sikap murid terhadap matematik mempunyai hubungan lemah dengan sikap mereka terhadap sains.
  - C. Sikap murid terhadap matematik mempunyai hubungan sederhana dengan sikap mereka terhadap sains.
  - D. Sikap murid terhadap matematik mempunyai hubungan kuat dengan sikap mereka terhadap sains.
42. Antara pernyataan berikut, yang mana satukah paling tepat menghuraikan penyelidikan kuantitatif?
- A. Satu usaha menguji hipotesis penyelidik.
  - B. Penyelidikan yang berbentuk penerokaan.
  - C. Data yang dipungut berbentuk bukan numerik.
  - D. Penyelidikan yang berusaha menjana teori baru.
43. Antara langkah berikut, yang mana satukah perlu dielakkan apabila membuat tafsiran mengenai pekali korelasi antara dua pemboleh ubah?
- A. Menentukan arah pertalian.
  - B. Menyemak kekuatan pertalian.
  - C. Membuat kesimpulan mengenai sebab-musabab.
  - D. Menghuraikan pertalian dengan menggunakan pekali korelasi.
44. Sebelum menggubal soalan/hipotesis kajian, seseorang penyelidik dinasihatkan membuat tinjauan literatur. Apakah kepentingan langkah ini?
- I. Penyelidik dapat mengenal pasti masalah metodologi yang mungkin timbul.
  - II. Penyelidik dapat menjana satu senarai soalan berkaitan dengan fenomena yang diminati.
  - III. Penyelidik dapat membiasakan diri dengan kajian lampau mengenai fenomena yang diminatinya.
- A. I dan II sahaja.
  - B. I dan III sahaja.
  - C. II dan III sahaja.
  - D. Semua di atas.

No. Pendaftaran: .....

15. Apakah aspek-aspek yang perlu diberi pertimbangan dalam menilai kebolehlaksanaan sesuatu kajian?

- I. Kemahiran penyelidik.
- II. Isu etika yang mungkin timbul.
- III. Tempoh masa untuk melaksanakan kajian.
- IV. Perbelanjaan untuk melaksanakan kajian.

- A. III dan IV sahaja.
- B. I, III dan IV sahaja.
- C. II, III dan IV sahaja.
- D. Semua di atas.

46. Di bahagian mana satukah dalam cadangan penyelidikan, subjek/responden kajian dihuraikan dengan terperinci?

- A. Pengenalan.
- B. Metodologi.
- C. Dapatan dan Perbincangan.
- D. Kesimpulan dan Cadangan.

47. Mana satukah daripada pernyataan berikut yang benar mengenai penggunaan hipotesis dalam konteks penyelidikan kualitatif?

- A. Hipotesis langsung tidak digunakan.
- B. Hipotesis dijana semasa kerja lapangan.
- C. Hipotesis digubal sebelum kerja lapangan.
- D. Hipotesis digubal sebelum tinjauan literatur.

48. Yang mana satukah daripada berikut merupakan ciri-ciri penyelidikan kualitatif?

- I. Analisis berbentuk induktif.
- II. Reka bentuk kajian yang fleksibel.
- III. Sensitif kepada konteks

- A. I dan II sahaja.
- B. I dan III sahaja.
- C. II dan III sahaja.
- D. Semua di atas.

No. Pendaftaran: .....

49. Yang mana satukah daripada berikut bukan cara menentukan kebolehpercayaan sesuatu instrumen kajian?

- A. *Split-half.*
- B. *Test-retest.*
- C. *Cronbach alpha.*
- D. *Internal consistency.*

50. Mana satukah daripada berikut bukan kaedah memungut data?

- A. Eksperimen.
- B. Pemerhatian.
- C. Soal selidik.
- D. Temu bual.

51. Mana satukah daripada berikut menghuraikan data yang telah dipungut pada masa lampau oleh orang lain untuk tujuan berbeza?

- A. Data primer.
- B. Data sekunder.
- C. Nota Lapangan.
- D. Data Eksperimen.

52. Mana satukah daripada teknik pensampelan berikut yang membabitkan penyelidik meminta bantuan subjek kajian mengenal pasti subjek kajian yang lain?

- A. Pensampelan *quota*.
- B. Pensampelan *snowball*.
- C. Pensampelan *purposive*.
- D. Pensampelan *convenience*.

53. Mana satukah daripada berikut merupakan sejenis pensampelan rawak?

- A. Pensampelan *quota*.
- B. Pensampelan *cluster*.
- C. Pensampelan *purposive*.
- D. Pensampelan *convenience*.

54. Penggunaan data daripada pelbagai sumber untuk memahami sesuatu fenomena merupakan satu strategi yang digunakan untuk meningkatkan kesahan penyelidikan kualitatif. Apakah nama strategi tersebut?

- A. ~~T~~ingulasi.
- B. ~~A~~nalisis pofa.
- C. ~~P~~engamakan data.
- B. ~~D~~ata maklum balas.

55. Yang mana satukah daripada berikut merupakan ciri-ciri yang dipunyai oleh soalan kajian yang baik?

- A. ~~B~~hs, berbaloi, dan beretika.
- B. ~~B~~leh dilaksana, jelas, dan beretika.
- C. ~~B~~leh dilaksana, jelas, berbaloi, dan beretika.
- D. ~~B~~leh dilaksana, jelas, berbaloi, dan merangkum hipotesis.

56. Yang mana satukah daripada berikut merupakan soalan kajian yang baik?

- A. ~~A~~dakah gaji guru matematik rendah?
- B. ~~A~~dakah penggunaan kalkulator baik untuk murid?
- C. ~~A~~dakah bilangan waktu pembelajaran matematik perlu ditambah?
- D. ~~A~~dakah pendekatan pembelajaran koperatif dapat meningkatkan pencapaian ~~m~~urid dalam matematik?

57. Yang mana satukah daripada berikut biasanya ingin diketengahkan oleh seseorang penyelidik yang menggunakan pengujian hipotesis dalam kajiannya?

- A. ~~H~~ipotesis nol.
- B. ~~H~~ipotesis alternatif.
- C. ~~H~~ipotesis nol dan alternatif.
- D. ~~B~~ukan hipotesis nol dan bukan hipotesis alternatif.

58. Pernyataan yang mana satukah tidak benar mengenai penyelidikan kualitatif?

- A. ~~L~~aporan berbentuk statistik.
- B. ~~A~~nalisis data berbentuk induktif.
- C. ~~D~~ata boleh berbentuk perkataan dan gambar.
- D. ~~M~~embabitkan menjalin hubungan peribadi dengan subjek kajian.

No. Pendaftaran: .....

Kaedah Penyelidikan (TMP3043)

59.

Dalam reka bentuk kajian kes yang mana satukah seseorang penyelidik menumpukan perhatiannya ke arah memahami sesuatu yang lebih umum daripada keunikan kes?

- I. Kajian kes intrinsik.
- II. Kajian kes instrumental.
- III. Kajian kes kolektif.

- A. I sahaja.
- B. II sahaja.
- C. II dan III sahaja.
- D. I, II dan III.

60.

Yang mana satukah daripada berikut berupaya memberi gambaran yang paling tepat mengenai populasi yang mana sampel tersebut dipilih?

- A. Sampel kelompok yang kecil.
- B. Sampel kecil berasaskan persampelan rawak mudah.
- C. Sampel besar berasaskan persampelan rawak mudah.
- D. Sampel besar berasaskan persampelan *convenience*.